



**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

Kata Pendahuluan

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan digubal dalam persekitaran operasi yang amat mencabar. Semua negara menghadapi gabungan pelbagai bentuk cabaran berpunca daripada harga komoditi yang semakin tinggi di pasaran dunia. Harga bahan api, logam dan makanan yang melambung tinggi telah menyebabkan rakyat dan Kerajaan mengalami keadaan yang amat sukar. Keadaan ini diburukkan lagi dengan pasaran kewangan global yang tidak menentu berikutan krisis kredit yang baru berlaku di Amerika Syarikat dan Eropah.

Berasaskan situasi ini, Kajian Separuh Penggal merupakan masa yang sesuai bagi Kerajaan menilai semula keutamaan negara untuk memastikan kepentingan golongan berpendapatan rendah terus dilindungi. Ini adalah masa bertepatan untuk Kerajaan menilai semula dasar bagi mengambil kira perubahan yang diperlukan untuk menghadapi persekitaran baru yang semakin mencabar. Liku-liku yang bakal dilalui akan menguji daya tahan kita. Justeru itu, usaha perlu diuruskan semula dan dilipat ganda bagi menangani kesukaran ini. Keupayaan kita mengharungi masa yang getir ini akan menjadikan kita semakin teguh dan lebih bersedia menempuh cabaran yang mendatang.

Misi Nasional kekal sebagai rangka kerja yang menjadi panduan kepada Kerajaan dalam membangunkan sosioekonomi negara. Teras Misi Nasional memastikan pencapaian objektif yang seimbang antara peningkatan ekonomi dalam rantai nilai; pengukuhan modal insan negara; pengurangan kadar kemiskinan dan ketidakseimbangan; pengekalan kualiti hidup yang tinggi; dan pengukuhan institusi tadbir urus negara.

Kajian Separuh Penggal jelas menunjukkan pencapaian kelima-lima teras Misi Nasional adalah amat membanggakan. Negara terus beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Bagi memudahkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan sosioekonomi, pelbagai program bantuan terus disediakan. Langkah juga telah diambil bagi menambah baik persekitaran perniagaan terutama melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan atau PEMUDAH. Dalam usaha melangkah ke hadapan, penekanan akan diberi kepada peningkatan kecekapan terutama penggunaan tenaga dalam ekonomi.

Dalam aspek pembangunan modal insan, dua pelan utama telah dilancarkan dengan matlamat memperkukuh sistem persekolahan dan pendidikan tinggi. Sektor pendidikan terus memperoleh peruntukan terbesar dalam perbelanjaan pembangunan negara.

Kajian Separuh Penggal mencatat kemajuan yang ketara dalam mengurangkan kadar kemiskinan, menyusun semula pola guna tenaga dan meningkatkan pemilikan ekuiti. Pengagihan peluang ekonomi yang lebih saksama akan terus menjadi matlamat utama dalam tempoh akhir Rancangan Malaysia Kesembilan. Sehubungan ini, lima koridor pertumbuhan wilayah akan terus dimajukan bagi memastikan ketidakseimbangan antara Lembah Klang dengan kawasan lain dapat dikurangkan.

Kualiti hidup rakyat akan diberi lebih perhatian dalam persekitaran semasa harga minyak dan komoditi yang semakin meningkat. Keutamaan akan diberi kepada pelaksanaan pelbagai langkah bagi mengurangkan kesan kepada golongan berpendapatan rendah dan menengah. Pemuliharaan tenaga dan sumber tenaga boleh diperbaharu akan juga diberi lebih tumpuan selaras dengan cabaran semasa.

Kerajaan juga akan terus mengambil langkah memperkukuh institusi seperti institusi kehakiman dan perkhidmatan awam. Langkah telah diambil untuk menubuhkan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia. Pada masa kini, sektor awam lebih terbuka kepada media dan bekerjasama dengan lebih banyak pihak yang berkepentingan. Kerajaan akan terus melaksana dasar dan langkah untuk meningkatkan ketelusan dan tadbir urus yang baik.

Bersatu, kita akan mengatasi sebarang rintangan dan kita akan mencapai Wawasan untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Janganlah kita goyah. Marilah kita bersama-sama melangkah ke hadapan.



DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
Perdana Menteri, Malaysia

Putrajaya
26 Jun 2008